

# PM saran semua sektor tingkat kualiti

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu sektor awam, swasta dan badan sosial di negara ini sentiasa berusaha supaya barangan dan perkhidmatan mereka dikaitkan dengan kualiti.

Perdana Menteri berkata, sebarang usaha ke arah peningkatan kualiti perkhidmatan dan barangan boleh menarik minat negara asing ke negara ini, dan seterusnya meningkatkan ekonomi negara.

Beliau kemudiannya memberikan contoh Jepun sebagai sebuah negara yang berjaya meningkatkan kualiti barangan dan perkhidmatan sehingga berjaya menjadi antara gergasi dunia di bidang ekonomi.

"Sebelum Perang Dunia Kedua dulu barangan Jepun dianggap tidak berkualiti dan murah berbanding negara-ne-

gara Eropah, sehingga ia menjadi punca kekalahan negara itu di tangan pihak Berikat.

"Kekalahan itu menyedarkan Jepun untuk meningkatkan kualiti barangan mereka, dan kini mereka bukan saja berjaya menyaingi negara Eropah, malah mengatasi negara lain di dunia dalam banyak aspek," katanya ketika menyampaikan Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1994 di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri dan Menteri Kabinet.

Perdana Menteri berkata, sebagai sebuah negara perdagangan, Malaysia perlu bersaing dengan negara lain dengan menitik beratkan ke arah kualiti barangan dan perkhidmatan yang tinggi.